

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN (STAMPIN)

TARIKH : 07 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah jadual kerja bahagian Projek Pan Borneo Highway yang meliputi jejantas *fly-over* di Batu 6, Batu 7 dan Batu 10 Jalan Penrissen di Kuching. Apakah langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kesesakan di bahagian tersebut khususnya pada waktu puncak iaitu 6:30 ke 9:00 pagi dan 5:00 ke 7:30 malam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum aduan kesesakan jalan raya di Mile 6, Mile 7 dan Mile 10 yang disebabkan oleh penutupan sementara sebahagian jalan bagi tujuan kerja-kerja pembinaan di bawah Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.

Bagi mengurangkan kadar kesesakan di lokasi-lokasi tersebut, tindakan-tindakan proaktif seperti berikut telah dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya melalui JKR Sarawak dan kontraktor yang dilantik:

- i) Menyediakan dua (2) laluan tambahan di Mile 6 untuk laluan Kuching ke Serian dan satu (1) laluan tambahan di Mile 7 berdekatan *Borneo House Museum*;
- ii) Bantuan polis trafik bagi kawalan lalu lintas pada waktu puncak (*peak hours*);
- iii) Mengemaskini Pelan Pengurusan Trafik berdasarkan situasi di tapak; dan
- iv) Memendekkan keseluruhan tempoh kerja-kerja pembinaan di lokasi-lokasi tersebut daripada tiga (3) bulan kepada dua (2) bulan.

Jalan-jalan tersebut akan dibuka semula secara berperingkat di mana kerja-kerja pembinaan telah selesai pada 12 Oktober 2021 bagi Mile 7 dan 21 November 2021 bagi Mile 6 manakala jangkaan 15 Disember 2021 bagi Mile 10. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya memohon kerjasama dan kesabaran pengguna jalan raya dalam tempoh tersebut untuk mematuhi papan tanda jalan dan had kelajuan di lokasi-lokasi tersebut.

Kerja-kerja pembinaan tersebut adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menambahbaik kemudahan infrastruktur jalan raya khususnya bagi pergerakan pengguna jalan raya dari Kuching ke Serian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 11 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan perancangan sosioekonomi di kawasan RECODA amnya dan Kawasan HDA khususnya. Nyatakan tujuan/jumlah peruntukan yang disalurkan kepada RECODA sejak tahun 2018.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) mempunyai perancangan bagi program sosiokenomi bagi tiga agensi di bawah RECODA iaitu Upper Rajang Development Agency (URDA), Highland Development Agency (HDA) dan Northern Region Development Agency (NRDA) seperti projek akuakultur, agro-makanan, kraftangan, industri logam, pembangunan ladang pertanian dan pembangunan pusat pelancongan luar bandar yang bertujuan untuk menjana pendapatan, meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup masyarakat.
2. Bagi kawasan HDA, program sosioekonomi yang dirancang meliputi pembangunan ladang pertanian seperti kopi, kelapa dan sayuran, pembangunan pusat pelancongan luar bandar seperti naik taraf inap desa, penyediaan sistem tagang iaitu kaedah untuk pengawalan dan pemuliharaan kehidupan akuatik, pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan produk tanaman (CPPC) serta menaiktaraf premis bagi industri logam.
3. RECODA telah menerima peruntukan berjumlah RM37.9 juta bagi belanja mengurus, manakala RM872 juta bagi belanja pembangunan sejak Tahun 2018 sehingga 2021.
4. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pembangunan sosioekonomi HDA, belum ada peruntukan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada RECODA. Sebaliknya pelaksanaan program sosioekonomi di HDA ditampung daripada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.